

Nama : _____

Kelas : _____

Tarikh : _____



Pilih penjodoh bilangan yang sesuai. SP 5.1.1 (iv)

6

- 1 Puan Eunis membeli se_____ majalah wanita di kedai buku.

A helai B buah
C keping D naskhah

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Kakak Judy meletakkan se_____ payung di dalam keretanya.

A kaki B bilah
C buah D batang

- 5 Sabrina mengelap peluh dengan se_____ sapu tangan.

A helai
B buah
C keping
D naskhah

- 3 Ibu memotong buah-buahan dengan se_____ pisau yang tajam.

A biji B kaki
C bilah D batang


Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Saya menghadiahi datuk se_____ jam tangan semasa hari lahirnya.

A utas B ketul
C buah D keping



- 6 Di atas pinggan itu tinggal dua _____ buah nanas.

A biji
B buah
C keping
D potong

Standard Pembelajaran		Tahap Penguasaan					
		1	2	3	4	5	6
5.1.1 (iv)	Memahami dan menggunakan penjodoh bilangan mengikut konteks.						

Nama : _____

Kelas : _____

Tarikh : _____



Gabungkan ayat-ayat tunggal menjadi ayat majmuk. SP 2.1.1 (i)

4

- 1 (a) Lee Sing pergi ke Pesta Makanan Sihat.
 (b) Batrisya pergi ke Pesta Makanan Sihat.

[dan]

- 2 (a) Puan Annas membawa beg mesra alam.
 (b) Puan Annas berkunjung ke pasar raya.

[lalu]

- 3 (a) Mereka bersiar-siar di pasar malam.
 (b) Mereka minum jus buah-buahan.

[sambil]

- 4 (a) Sakinah suka makan pau kacang.
 (b) Pau kacang sangat sedap rasanya.

[kerana]

Standard Pembelajaran		Tahap Penguasaan					
		1	2	3	4	5	6
2.1.1 (i)	Membaca ayat tunggal dan ayat majmuk dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.						

Nama : _____
 Kelas : _____
 Tarikh : _____



Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. SP 5.1.2 (i)

4


mengukus

berlemak

memotong

berbunyi

1



Makanan _____ tidak baik untuk kesihatan.

2




Nenek _____ dim sum untuk menjamu tetamu.

3



Ibu _____ daging nipis-nipis supaya cepat masak.

4



Ketuhar gelombang mikro _____ apabila makanan sudah siap.

Standard Pembelajaran		Tahap Penguasaan					
		1	2	3	4	5	6
5.1.2 (i)	Memahami dan menggunakan kata kerja aktif – transitif dan tak transitif mengikut konteks.						

PENTAKSIRAN Unit 5: **Utamakan Kebersihan**

9

Tema 2: Hidup Sejahtera

buku teks (hlm 27 – 32)

Nama : _____

Kelas : _____

Tarikh : _____



Tulis ayat yang betul berdasarkan gambar. SP 1.1.2 (ii)

3

- Hafizah memotong kukunya supaya pendek dan kemas.
- Kayson mensyampu rambutnya semasa mandi.
- Wan Fei mencuci tangannya sebelum dan selepas makan.

1



2



3



Standard Pembelajaran		Tahap Penguasaan					
		1	2	3	4	5	6
1.1.2 (ii)	Mendengar, mengecam, memahami dan menyebut ayat majmuk dengan betul dan tepat.						

Nama : _____


Kelas : _____

Tarikh : _____



Lengkapkan petikan dengan jawapan yang betul berdasarkan peta di bawah. SP 5.1.2 (ii) **i-THINK PETA ALIR**

4



Puan Annas sekeluarga telah habis makan malam. Pinggan mangkuk di atas meja makan ❶ _____ oleh Puan Annas dan anaknya. Selepas itu, pinggan mangkuk itu ❷ _____ oleh Puan Annas. Kemudian, pinggan mangkuk ❸ _____ oleh anaknya dengan sehelai kain yang bersih. Akhirnya, pinggan mangkuk ❹ _____ oleh Puan Annas di dalam kabinet.

Standard Pembelajaran		Tahap Penguasaan					
		1	2	3	4	5	6
5.1.2 (ii)	Memahami dan menggunakan kata kerja pasif mengikut konteks.						

Nama : _____

Kelas : _____

Tarikh : _____



Baca maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 3.2.2 (i)

4

KEMPEN KESIHATAN

"Generasi yang Sihat, Bermula daripada Anda"

Tarikh : 7 Jun 2020, hari Ahad

Masa : 8.00 pagi hingga 1.00 petang

Tempat : Dewan Komuniti, Rumah Kelab Taman Aman Siara

Aktiviti-aktiviti Menarik

* Senamrobik

* Sukaneka (Kanak-kanak)

* Pemeriksaan kesihatan

* Pameran kesihatan

≈ **Semua Dijemput Hadir** ≈

Dianjurkan oleh:



PERSATUAN PENDUDUK
TAMAN AMAN SIARA

dengan Kerjasama:



JABATAN KESIHATAN
NEGERI SELANGOR

1 Bilakah kempen kesihatan diadakan?

2 Di manakah kempen kesihatan berlangsung?

3 Nyatakan **dua** aktiviti yang akan diadakan.

(i) _____

(ii) _____

Standard Pembelajaran		Tahap Penguasaan					
		1	2	3	4	5	6
3.2.2 (i)	Membina dan menulis jawapan pemahaman secara kritis berdasarkan soalan bertumpu.						